

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID**  
**( PADANG TERAP )**

**TARIKH** : **3 JULAI 2019**

**SOALAN NO 157**

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan sentimen berhati-hati di kalangan pelabur, di mana kita dapat lihat kini pertumbuhan ekonomi agak perlahan di kalangan pelabur swasta dan kadar FDI yang rendah, di samping faktor ketidakpastian harga minyak dunia dan faktor perang dagangan antara Amerika Syarikat dan China.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka dengan jumlah perdagangan mewakili 130% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2018, Malaysia tidak terkecuali berhadapan dengan impak susulan ketidaktentuan ekonomi global dan juga pelbagai cabaran luar yang lain termasuk ketidakpastian harga minyak dunia dan faktor perang dagangan antara Amerika Syarikat dan China.

2. Walaupun berdepan ketidaktentuan ekonomi global, berdasarkan rekod terkini Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi suku pertama tahun 2019, jumlah pelaburan langsung asing (*foreign direct investment* - FDI) dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama meningkat sebanyak 73.4% kepada RM29.3 bilion

berbanding RM16.9 bilion pada tempoh sama tahun 2018. Sementara itu, FDI yang diluluskan dalam sektor perkilangan sahaja meningkat 126% kepada RM20.2 bilion dengan 105 projek berbanding nilai pelaburan yang diluluskan dalam tempoh masa sama tahun 2018.

3. Dalam pada itu, Laporan Tahunan 2018 yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia juga melaporkan jumlah FDI bersih bagi suku pertama tahun 2019 telah melonjak kepada RM21.7 bilion berbanding RM12.9 bilion pada suku keempat tahun 2018. Sementara itu, Bank Negara Malaysia juga melaporkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada suku pertama tahun 2019 sebanyak 4.5% (2018: 4.7%). Pertumbuhan ini telah didorong oleh aktiviti ekonomi domestik, terutamanya perbelanjaan penggunaan swasta yang meningkat sebanyak 7.6% ekoran pasaran buruh dan kadar upah yang kekal stabil.

4. Sungguhpun prospek persekitaran luaran akan terus mencabar, Bank Negara Malaysia menjangkakan ekonomi Malaysia pada tahun 2019 akan terus mencatat pertumbuhan sebanyak 4.3% hingga 4.8% berbanding 4.7% pada tahun 2018. Jangkaan pertumbuhan ini juga adalah selari dengan unjuran daripada pelbagai agensi luar seperti Asian Development Bank (4.5%), Bank Dunia (4.6%) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (4.7%).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam usaha meningkatkan ekonomi negara, Kementerian ini melalui MIDA akan terus berusaha merencanakan aktiviti pelaburan di Malaysia melalui pelbagai inisiatif termasuk:

(i) Menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara;

(ii) Mengambil pendekatan ekosistem dalam menggalakkan pelaburan berkualiti, iaitu projek-projek yang berteknologi tinggi; nilai ditambah yang tinggi; berintensifkan pengetahuan; kemahiran intensif; berorientasikan eksport; berintensif modal, reka bentuk dan

penyelidikan dan pembangunan serta projek-projek yang melengkapkan ekosistem industri tempatan;

(iii) Membangunkan ekosistem rantaian bekalan tempatan dengan menganjurkan, dengan izin '*Supply Chain Conference*' bertujuan untuk mengukuhkan ekosistem rantaian bekalan di antara syarikat tempatan dan syarikat multinasional agar syarikat-syarikat tempatan terus mendapat peluang perniagaan dan pembekalan daripada projek-projek pelaburan syarikat-syarikat multinasional;

(iv) Menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara untuk menyebarkan dan memaklumkan kepada bakal pelabur tentang peluang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan melalui pendekatan ekosistem; dan

(v) Menganjurkan sesi dialog secara kerap di antara Kementerian dengan dewan perniagaan, kedutaan asing dan persatuan-persatuan industri bagi mencari jalan penyelesaian kepada cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pelabur dalam melaksanakan projek-projek mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Pada masa yang sama, Kerajaan juga berusaha untuk menggalakkan perdagangan Malaysia dengan negara-negara lain dengan mendapatkan akses pasaran terbaru melalui rundingan perjanjian perdagangan bebas di sebalik ketidakpastian ekonomi global.

7. Ini termasuk rundingan Malaysia dalam Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang mempunyai potensi ekonomi besar bersama 15 buah negara lain termasuk negara-negara ASEAN. Kesemua 16 negara anggota RCEP mewakili 50 peratus populasi dunia dengan jumlah KDNK sebanyak US\$20.8 trilion (28.1 peratus daripada KDNK dunia) menawarkan pasaran yang besar untuk Malaysia. Selain ini, negara anggota RCEP juga mewakili 28.7 peratus daripada jumlah perdagangan global iaitu sebanyak US\$9.55 trilion dan sejumlah US\$329.6 bilion dalam aliran masuk pelaburan asing;

**NO SOALAN : 157**

8. Usaha berterusan bagi menarik pelaburan ke dalam negara dan meningkatkan perdagangan negara akan sentiasa ditambahbaik supaya momentum pertumbuhan ekonomi kekal mampan dan stabil dalam menghadapi pelbagai cabaran ekonomi semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD  
YUNUS (HULU LANGAT)**

**TARIKH : 03 JULAI 2019**

**RUJUKAN : 11647**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Hasanuddin Bin Mohd Yunus (Hulu Langat)** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kerajaan mempunyai perancangan penggantian kereta perisai jenis Commando V-150 milik PGA PDRM memandangkan usianya yang sudah terlalu lama dalam perkhidmatan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sememangnya sedar mengenai isu usia kenderaan berperisai Commando V-150 yang sudah terlalu lama di Pasukan Gerakan Am (PGA).

Sehubungan itu, PDRM juga mempunyai perancangan untuk menggantikan semua kenderaan milik PDRM yang telah melebihi had usia dan uzur termasuk kereta perisai yang digunakan oleh PGA. Namun demikian, PDRM perlu memberikan keutamaan bagi penggantian ke atas kenderaan operasi semasa kerana PDRM juga tertakluk kepada kedudukan kewangan Negara.

Perancangan penggantian kereta perisai ini telah dibuat dengan menyenaraikan sejumlah 69 buah kereta perisai untuk menggantikan kereta perisai sedia ada di enam (6) Skuadron Kereta Perisai dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM414 juta bagi perolehan baru melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) *Rolling Plan* 1 hingga *Rolling Plan* 4.

Pada masa yang sama, selain dari enam (6) Skuadron Kereta Perisai sedia ada di Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang dan Sarawak, pihak PDRM juga merancang untuk mewujudkan Skuadron Kereta Perisai di Briged Sabah PGA yang bertujuan untuk meningkatkan kesiapsiagaan dalam menghadapi sebarang ancaman keselamatan di negeri Sabah.

